



## TEKS UCAPAN

**TYT TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK,  
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**SEMPENA MAJLIS APRESIASI SEKAPUR SIRIH DAN  
KERJASAMA STRATEGIK WAKAF PULAU PINANG 2022**

**PADA 28 FEBRUARI 2022 (ISNIN) JAM 10:00 PAGI  
BERTEMPAT DI THE LIGHT HOTEL, SEBERANG JAYA**

*Bismillahirrahmanirrahim*

**1. YB Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman**

**Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap**

**Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan  
Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Wakaf Pulau Pinang**

**2. YB Dato' Dr. Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus**

**Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

**3. YB Dato' Norazmi bin Mohd Narawi,**

**Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

**4. YB Dato' Dr. Mohamad Farazi bin Johari**

**Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang**

**5. YB Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Hussain**

**EXCO Perdagangan Industri dan Pembangunan Usahawan**

**6. YBhg Dato' Selamat bin Paigo**

**Ketua Pengarah Jawhar, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji**

**7. Yang Berusaha Tuan Haji Rosidi bin Hussain**

**Ketua Pegawai Eksekutif Wakaf Pulau Pinang**

**8. Yang Dihormati, Ahli-ahli Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang**

**9. Yang Dihormati, Barisan Ahli Lembaga Pengarah Wakaf Pulau Pinang**

**10. Yang Diraikan, Amil-amil Kutipan Dana Wakaf, Rakan-Rakan Strategik dan Para Pewakaf Dana Wakaf Pulau Pinang**

**Seterusnya**

**YBhg Dato' Sri - Dato' Sri,**

**YBhg Dato'- Dato', Datin-Datin,**

**Tuan-Tuan, Puan-Puan sekalian.**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.*

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya juga, kita dapat berada dalam suatu perhimpunan sempena Majlis Apresiasi Sekapur Sirih & Kerjasama Strategik Wakaf Pulau Pinang 1443 Hijrah/2022. Semoga perhimpunan kita pada hari ini diberkati, direndai dan diterima sebagai amal soleh oleh Allah SWT.
2. Tahniah saya ucapkan kepada Wakaf Pulau Pinang (WPP) kerana berjaya mengadakan majlis untuk menghargai jasa para amil yang dilantik untuk kutipan dana wakaf, rakan strategik wakaf, ejen wakalah dana wakaf dan juga para penyumbang yang budiman.

Kerjasama semua pihak ini mampu merealisasikan fungsi dan peranan yang telah dipertanggungjawabkan kepada Wakaf Pulau Pinang.

Hadirin yang dirahmati Allah,

3. Saya dimaklumkan program pada hari ini juga akan disertai dengan majlis kerjasama strategik MoU antara WPP dengan Pemaju Perumahan untuk membangunkan projek perumahan rumah mampu milik. Projek yang bernilai RM135 juta ini akan menjadi pemangkin kepada projek-projek yang akan datang.
4. Selain itu, kerjasama strategik MoA antara WPP dengan Yayasan Wakaf Malaysia dalam merealisasikan makmal bahasa digital bergerak merupakan satu inovasi dan kreativiti WPP dalam melestarikan potensi wakaf produktif. Adalah diharapkan kerjasama padu Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang dalam hal ini dapat membantu usaha pembangunan pendidikan di negeri kita.

5. Saya juga titipkan penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah buat barisan amil melibatkan 231 kariah yang bertungkus-lumus melaksanakan gerak kerja dalam menyebarluaskan kesedaran kepentingan berwakaf kepada rakyat Pulau Pinang. Saya difahamkan, kutipan dana wakaf keseluruhan pada tahun 2021 meningkat sebanyak 150% berbanding tahun 2020.
6. Sukacita saya mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan buat para penyumbang dana wakaf. Setiap hasil sumbangan para penyumbang pasti dibalas dengan kebaikan dan menjadi saham akhirat yang kekal. Selari dengan hadis Rasulullah SAW,  
*“Apabila seorang manusia itu meninggal dunia, maka terputuslah amal perbuatannya kecuali dari tiga sumber, iaitu sedekah jariah (wakaf), ilmu pengetahuan yang boleh diambil manfaatnya, dan anak soleh yang mendoakannya.”* Hadis Riwayat Muslim.
7. Saya bersetuju dan menyokong penuh saranan yang dinyatakan oleh YB Timbalan Ketua Menteri 1 dalam ucapannya tadi agar setiap warga kerja jabatan kerajaan, badan berkanun mahupun swasta membuat sumbangan berkala melalui potongan gaji secara bulanan. Insya Allah, hasil pendapatan akan menjadi lebih diberkati.

8. Saya difahamkan juga sejak dua tahun lepas, enekmen wakaf di Pulau Pinang sedang dirangka dan saya menyarankan supaya enekmen ini dapat disegerakan kerana enekmen ini dapat melicinkan proses pengurusan, pentadbiran, pengawalan, penguatkuasaan undang-undang serta kemajuan wakaf.
9. Saya juga mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada kerajaan pusat, kerajaan negeri, institusi kewangan dan juga institusi pendidikan di negara kita yang telah memberi sokongan dalam pelbagai bentuk kepada pembangunan wakaf di Negeri Pulau Pinang. Kerjasama yang sedia ada ini perlu diteruskan dengan lebih efektif.
10. Saya percaya Wakaf Pulau Pinang berpotensi untuk terus berkembang dan mampu meneroka peluang-peluang yang ada untuk lebih maju ke depan.
11. Kepada semua tetamu yang hadir pada hari ini, saya turut mendoakan agar sentiasa diberi kesihatan yang baik dan dijauhi daripada wabak COVID-19 yang masih melanda negara ini.

12. Hadirin yang dirahmati Allah SWT, akhir kata dan dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim* saya merasmikan Majlis Apresiasi Sekapur Sirih & Kerjasama Strategik Wakaf Pulau Pinang Tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahitaufik Walhidayah,*

*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*